



KAJIAN PUNCA PENINGKATAN GOLONGAN B40 AKIBAT COVID-19 DAN INISIATIF BANTUAN KERAJAAN

STUDY THE CAUSES OF THE B40 GROUP INCREASING DUE TO COVID-19 AND THE GOVERNMENT SUPPORT INITIATIVES

Rabiah Abdul Kadir^{1*}, Nur Afiqah Abdul Rahman², Nur Jumah Sari Azman², Nur Nabihah Mohd Naim²

¹ Institut Informatik Visual, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: rabiahivi@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: a193203@siswa.ukm.edu.my, a195981@siswa.ukm.edu.my, a295321@siswa.ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 06.11.2023

Revised date: 18.12.2023

Accepted date: 14.02.2024

Published date: 12.03.2024

To cite this document:

Kadir, R. A., Rahman, N. A. A., Azman, N. J. S., & Naim, N. N. M. (2024). Kajian Punca Peningkatan Golongan B40 Akibat Covid-19 Dan Inisiatif Bantuan Kerajaan. *Journal of Information System and Technology Management*, 9 (34), 33-49.

DOI: 10.35631/JISTM.934003

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini khusus dijalankan untuk mengenal pasti punca peningkatan kadar golongan B40 dalam kalangan masyarakat akibat wabak COVID-19 yang melanda negara pada tahun 2019 sehingga tahun 2021. Punca utama yang dapat dikenal pasti yang menjadi punca bertambahnya golongan B40 dalam kalangan masyarakat di negara ini adalah disebabkan oleh berlakunya kos sara hidup yang tinggi, kehilangan punca pendapatan, jumlah peluang pekerjaan yang terhad serta tawaran gaji yang rendah. Kajian ini dijalankan dengan mengambil data primer daripada laman sesawang openDOSM serta beberapa akhbar tempatan secara atas talian seperti Astro Awani, Berita Harian, Sinar Harian dan Harian Metro. Kami juga mengumpulkan data sekunder iaitu dengan menyebarkan borang kaji selidik yang telah mendapat seramai 57 orang responden yang terdiri daripada golongan masyarakat dengan umur serta taraf yang berbeza. Di Dalam kajian ini kaedah analisis data yang telah kami lakukan adalah menggunakan peratusan kekerapan maklumat yang diberikan oleh responden itu sendiri. Analisis data dilakukan selepas mendapat data yang telah dikutip daripada 57 orang responden tersebut. Kesemua data disunting dan ditukarkan dalam bentuk angka supaya lebih mudah untuk difahami dan mudah untuk dianalisis sebagai contohnya data yang diperoleh dalam kajian ini akan dikategorikan mengikut kekerapan dan ditulis dalam bentuk peratusan, min, graf, dan carta. Melalui kajian ini didapati bahawa lebih daripada separuh responden bersetuju bahawa punca peningkatan golongan B40 dalam kalangan rakyat di negara ini adalah disebabkan oleh punca-punca yang telah dinyatakan.

Kata Kunci:

Golongan B40, COVID-19, Inisiatif Bantuan Kerajaan.

Abstract:

This study was specifically conducted to identify the cause of the increase in the B40 group among the community due to the COVID-19 epidemic that hit the country in 2019 until 2021. The main cause that can be identified which is the cause of the increase in the B40 group among the community in this country is due to the occurrence of high cost of living, loss of source of income, limited number of job opportunities and low salary offers. This study was conducted by taking primary data from the open DOSM website as well as several local online newspapers such as Astro Awani, Berita Harian, Sinar Harian and Harian Metro. We also collect secondary data by distributing a survey form that has received a total of 57 respondents who are made up of different groups of people from different ages and levels. In this study, the method of data analysis that we have done is to use the frequency percentage of the information given by the respondents themselves. Data analysis was done after getting the data that had been collected from the 57 respondents. All data is edited and converted into numbers so that it is easier to understand and easy to analyze, for example the data obtained in this study will be categorized according to frequency and written in the form of percentages, mean, graphs, and charts. Through this study it was found that more than half of the respondents agreed that the reason for the increase in the B40 group among the people in this country is due to the reasons that have been stated.

Keywords:

Group of B40, COVID-19, Government Support Initiatives

Pengenalan

Setelah berlakunya penularan wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia termasuklah negara kita, kita dapat lihat bahawa terdapat peningkatan jumlah golongan B40 yang dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Disebabkan berlakunya jumlah peningkatan golongan B40 inilah yang membawa kepada teretusnya idea untuk mengkaji hal ini dengan lebih mendalam. Setelah meneliti beberapa buah artikel dan mentafsir data yang telah direkod oleh openDOSM maka dapat disimpulkan disini terdapat dua punca utama berlakunya fenomena ini (Muhammad et al. 2021, Sarakawi et al. 2021, Rosniza & Mutsamy 2020, Muhammad 2022)

Punca pertama yang menjadi penyebab berlakunya pertambahan golongan B40 dalam kalangan rakyat di negara ini adalah kerana berlakunya peningkatan kos sara hidup yang telah menjejaskan banyak rakyat di negara ini (Chamhuri et al. 2019). Setelah meneliti laman web openDOSM yang merupakan laman web rasmi kerajaan Malaysia yang memaparkan data untuk semua sektor yang terdapat di Malaysia ini, dapat diketahui bahawa antara punca bagaimana berlakunya peningkatan kos sara hidup di Malaysia ini adalah disebabkan oleh nilai mata wang Ringgit Malaysia telah jatuh. Hal ini berdasarkan data yang diperolehi daripada laman web openDOSM yang menyatakan bahawa bagi pertukaran wang dari USD ke Ringgit Malaysia (RM) adalah \$1 bersamaan dengan RM4.61 (Sa'diah, 2019). Perkara ini amat menggusarkan

kerana disebabkan nilai mata wang telah jatuh maka kos harga barang bagi barangan import akan meningkat. Peningkatan ini menyebabkan kuasa pembeli berkurangan yang turut membawa kepada berlakunya jumlah pengeluaran mata wang yang semakin meningkat dan akhir sekali menyebabkan berlakunya inflasi. Inflasi merupakan istilah yang telah diguna pakai bagi menggambarkan kenaikan harga barang dan perkhidmatan dalam satu tempoh tertentu yang telah ditetapkan.

Punca kedua adalah mungkin peningkatan jumlah golongan B40 dalam kalangan rakyat di Malaysia ini disebabkan oleh berlakunya kehilangan sumber pendapatan sementara atau kekal. Hal ini dapat kita lihat melalui data Pengeluaran Perindustrian setakat bulan April tahun 2023 menunjukkan penurunan yang drastik sehingga ke tahap negatif (Nor Fadzilah Salamon, et al. 2023). Hal ini menunjuk keadaan sektor perindustrian negara kita berada di tahap yang kritikal menyebabkan kebanyakan syarikat-syarikat besar yang selama ini menjadi tunggak kepada berlakunya pengurangan kadar pengangguran dalam negara terpaksa mengurangkan jumlah pekerja mereka ataupun mengurangkan jumlah gaji yang telah ditawarkan kepada mereka (Rima et al. 2021). Perkara ini menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah golongan B40 dalam kalangan rakyat di negara ini (Nurfadhlina & Nurharyanti 2022). Selain daripada disebabkan oleh kadar pengeluaran perindustrian yang menurun. Kadar Perdagangan barangan Borong dan runcit yang menurun turut menjadi punca kepada peningkatan golongan B40 dalam kalangan rakyat di Malaysia ini.

Kajian Literatur

Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenal pasti punca bagaimana boleh berlakunya peningkatan jumlah golongan B40 dalam kalangan rakyat di Malaysia ini (Mohammad et al. 2021). Berdasarkan keratan akhbar Berita Harian bertarikh 19 April 2021, Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia iaitu Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin "Isu seperti 'underemployed' atau pendapatan tidak sepadan dengan kelayakan dan gaji permulaan graduan yang semakin rendah adalah antara terjemahan kepada isu 'economic scarring' ini," katanya kepada Berita Harian. Hal ini menunjukkan bahawa salah satu faktor yang menjadi punca berlakunya pertambahan golongan ini dalam kalangan rakyat di Malaysia ini adalah disebabkan oleh tawaran gaji untuk para graduan yang baru mula bekerja adalah sangat rendah dan ini bukan sahaja tertakluk kepada graduan sahaja malah kepada golongan pekerja yang lain yang baru mula mendapat peluang untuk bekerja. Seperti yang telah sedia maklum ketika berlakunya wabak COVID-19 yang telah melanda negara pada dua tahun yang lalu, terdapat ramai para pekerja yang bekerja khususnya dalam sektor swasta telah diberhentikan kerja disebabkan oleh berlakunya ketidakstabilan ekonomi di seluruh dunia. Hal ini telah memaksa para majikan untuk memberhentikan sebahagian pekerja mereka supaya dapat menampung kerugian yang sedang dan bakal ditanggung pada waktu tersebut.

Tambahan lagi, berlakunya ketidakstabilan ekonomi ini juga menjadi faktor yang menyebabkan kebanyakan barangan keperluan runcit meningkat harganya (Resi Yunita, & Yeniwati., 2021). Lebih-lebih lagi perkara ini bukan sahaja menyebabkan golongan B40 yang terkesan malahan golongan M40 serta T20 juga turut sama terkesan dengan peningkatan harga barangan (Nor Fadzilah et al. 2023, Nurul et al. 2021). Situasi ini jelas menunjukkan berlakunya peningkatan golongan B40 yang datangnya daripada golongan atasan seperti M40 dan T20. Selain daripada berlakunya peningkatan harga barangan (Alias et al. 2017), antara punca lain yang menyebabkan berlakunya peningkatan golongan B40 di negara ini adalah disebabkan oleh peluang pekerjaan yang disediakan untuk rakyat adalah sangat sedikit. Hal ini


menyebabkan berlakunya pertambahan jumlah penganggur yang mungkin datangnya daripada kalangan M40 dan T20 yang telah diberhentikan kerja ketika berlaku wabak COVID-19 pada dua tahun yang lepas (Axelliana & Firdaus, 2022). Perkara seperti inilah yang telah menyebabkan berlakunya peningkatan golongan B40 dalam kalangan rakyat di Malaysia ini (Nurul et al. 2021, Zhineng et al. 2022). Secara ringkasnya, projek ini dijalankan berdasarkan kajian secara atas talian iaitu melalui bahan pembacaan umum seperti keratan akhbar. Antara contoh akhbar yang digunakan untuk memudahkan kajian ini adalah keratan akhbar secara atas talian daripada Astro Awani, Berita Harian dan Harian Metro.

Selain itu maklumat-maklumat hasil kajian bagi kajian ini juga turut diperolehi daripada laman sesawang openDOSM yang merupakan portal rasmi kerajaan untuk memberikan maklumat rasmi tentang data-data yang diperolehi untuk disemak sendiri oleh rakyat dinegara ini secara percuma. Daripada laman sesawang ini para pengkaji telah memperolehi data yang diperlukan untuk kajian ini dijalankan seperti kadar ekonomi negara dari tahun 2019 sehingga tahun yang paling terkini (Bahagian Fiskal dan Ekonomi 2021). Selain daripada mendapatkan maklumat secara terperinci daripada laman sesawang ini dan daripada bahan pembacaan umum, para pengkaji juga turut mengumpulkan data daripada responden dengan mendedarkan borang kaji selidik yang dibuat secara atas talian melalui pautan 'google form'. Borang kaji selidik ini seterusnya telah diedarkan secara atas talian kepada orang ramai dan telah mendapat seramai lima puluh tujuh orang responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur serta kebanyakannya merupakan golongan B40 dan sebilangan kecil yang merupakan golongan M40 dan T20. Hal ini menghasilkan variasi terhadap kajian yang dilakukan dan membolehkan para pengkaji untuk membuat kesimpulan yang tepat mengenai kajian yang telah dijalankan sekaligus menjawab persoalan yang telah disediakan.

Metodologi Kajian

Kajian ini melaksanakan metodologi kajian seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1. Terdapat empat (4) fasa yang terlibat iaitu dimulai dengan pengumpulan data dan diikuti oleh penyediaan data, analisis data dan akhir sekali keputusan analisis.

METODOLOGI KAJIAN



Rajah 1: Metodologi Kajian

Fasa pertama, kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah dijalankan berdasarkan data primer dimana tinjauan literatur dan kajian-kajian lepas digunakan dalam mengetahui punca peningkatan golongan B40 di kalangan masyarakat akibat Covid 19 serta memahami kaedah dan inisiatif kerajaan untuk membantu masyarakat golongan B40 dalam menangani cabaran Covid 19 melalui bahan bacaan daripada laman sesawang openDOSM (Muhammad 2022), jurnal bahkan penulisan akhbar dalam talian seperti Astro Awani, Berita Harian dan Sinar Harian. Kajian ini juga mengumpulkan data sekunder iaitu dengan menggunakan borang soal selidik yang telah mendapat seramai 57 orang responden yang terdiri daripada golongan masyarakat dengan umur serta taraf yang berbeza. Borang soal selidik itu telah dibuat secara atas talian dengan menggunakan Google Form dan akan diedarkan pautan Google Form tersebut kepada mereka yang sudah bekerja, atau lebih tepat lagi sasaran responden untuk kajian kes ini adalah mereka yang berumur 25 tahun dan ke atas. Malah, pautan Google Form tersebut diedarkan melalui aplikasi Whatsapp, Facebook dan Instagram supaya data dapat dikumpulkan dengan lebih cepat.

Untuk penyediaan data kajian, dengan mengumpulkan data daripada artikel-artikel yang telah diterbitkan daripada laman web rasmi berita yang mudah diakses seperti laman web rasmi Astro Awani, Berita Harian, Sinar Harian serta data-data analisis dalam bentuk visualisasi telah diperoleh daripada laman rasmi openDOSM yang merupakan laman web rasmi kerajaan Malaysia yang menyediakan maklumat terperinci tentang indeks data negara. Kesemua maklumat-maklumat yang telah diekstrak daripada artikel serta data-data analisis ini telah dikumpulkan dalam aplikasi Excel bagi memudahkan proses pengumpulan data tersebut. Selain itu, kesemua maklumat yang diperoleh daripada masyarakat setempat melalui borang soal selidik secara atas talian dengan menggunakan google form seterusnya akan dipindahkan terus secara automatik ke dalam excel supaya ke semua data-data yang diperoleh dapat ditafsirkan dengan lebih mudah. Dengan cara ini juga dapat memudahkan untuk menganalisis

dan menghubungkan semua data-data yang telah diperoleh daripada kutipan melalui google form dengan data-data yang diperoleh daripada artikel-artikel serta data analisis daripada data terbuka.


Kaedah analisis data yang telah digunakan untuk kajian ini adalah kaedah analisis secara diskriptif. Hal ini demikian kerana, data-data yang diperoleh akan dikumpulkan dan dianalisis menggunakan peratusan kekerapan maklumat yang diberikan oleh responden itu sendiri. Analisis data dilakukan apabila data telah diperoleh dari soal selidik yang diedarkan kepada responden. Segala data yang diperolehi akan disunting dan ditukarkan dalam bentuk angka supaya lebih senang untuk dianalisis. Dalam borang kaji selidik soalan akan disertai bersama dengan jawapan supaya kesemua jawapan bagi setiap persoalan yang diajukan dapat diseragamkan dan dapat memudahkan lagi kerja-kerja pengisian data dilakukan. Keputusan analisis ini akan dipersembahkan melalui visualisasi data menggunakan carta pie. Carta pai ini digunakan untuk memaparkan peratusan responden yang menjawab setiap persoalan yang diajukan dalam borang soal selidik supaya dapat memudahkan menganalisis dan mendapatkan data dengan tepat.

Dengan menggunakan metodologi kajian tersebut, kajian ini diharapkan dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman yang lebih baik tentang punca peningkatan golongan B40 di kalangan masyarakat akibat Covid 19 serta kaedah dan inisiatif kerajaan untuk membantu masyarakat golongan B40 dalam menangani cabaran Covid 19.

Keputusan Analisis Kajian

Analisis Jantina Responden

Seramai 19 responden adalah terdiri daripada daripada jantina lelaki iaitu mewakili 33.3% dan selebihnya adalah responden perempuan iaitu seramai 38 daripada 57 responden. Rajah 2 menunjukkan bilangan responden perempuan mencatatkan jumlah responden yang tinggi dengan peratusan 66.7%.




Rajah 2: Jantina Responden

Analisis Umur Responden

Rajah 3 menunjukkan data demografi responden yang merujuk kepada umur responden yang dikategorikan kepada 5 skala umur.

Umur
57 responses




Rajah 3: Umur Responden

Carta pai umur pada Rajah 3 menunjukkan seramai 12 orang responden berumur bawah 21 tahun yang mewakili 21.1%, 21 orang yang berumur 21-25 tahun yang mewakili 36.8%, 9 orang yang berumur 26-30 tahun mewakili 15.8%, 4 orang responden berumur 31-35 tahun mewakili 7% dan 11 orang responden yang berumur 35 tahun dan keatas dengan mewakili 19.3%. Ini menunjukkan bahawa responden yang berumur 21-25 tahun mencatatkan bilangan responden yang terbanyak memberi maklum balas bagi borang selidik tersebut.

Analisis Tahap Pengajian Responden

Rajah 4 menunjukkan carta pai tahap pengajian, di mana sebanyak 11 orang berada sehingga tahap SPM bersamaan 19.3%, 6 orang pada tahap diploma mewakili 10.5%, seorang pada tahap matrikulasi yang mewakili 1.8%, 31 orang pada tahap ijazah sarjana muda yang mewakili 54.4%, 7 orang pada tahap ijazah sarjana yang mewakili 12.3% dan seorang pada tahap PHD yang mewakili 1.8%. Responden pada tahap ijazah sarjana muda mencatatkan responden paling tinggi berbanding yang lain.

Bangsa
57 responses




Rajah 4: Bangsa Responden

Analisis Mengenai Sektor Yang Terjejas Ketika Negara Dilanda COVID-19

Carta pai pada Rajah 5 menunjukkan 47.4% sektor pelancongan iaitu sektor yang terkesan semasa COVID-19 melanda negara. Diikuti dengan sektor perusahaan kecil iaitu 33.3%, sektor perindustrian (automotif, barangan elektrik, dll) mewakili 12.3% dan akhir sekali sektor peruncitan bersamaan 7%.

Pada pendapat anda, apakah sektor yang paling terjejas ketika negara dilanda COVID-19?

57 responses




Rajah 5: Sektor Yang Paling Terjejas Ketika Negara Dilanda COVID-19

Analisis Sektor Pekerjaan Responden Sebelum Pandemik COVID-19

Apakah sektor pekerjaan anda SEBELUM berlakunya pandemik COVID-19?

57 responses



Rajah 6: Sektor Pekerjaan Sebelum Pandemik COVID-19


Rajah 6 adalah hasil analisis yang digambarkan dalam carta pai untuk menunjukkan seramai 11 orang responden bekerja di sektor awam (kerajaan) yang mewakili 19.3% dan 16 orang bekerja di sektor swasta bersamaan 28.1%. Hanya 3 orang yang bekerja sendiri iaitu mewakili 5.3% dan kebanyakan dari responden kajian iaitu 27 orang tidak bekerja yang bersamaan 47.4% daripada keseluruhan responden. Ini menunjukkan ramai rakyat Malaysia yang tidak bekerja sebelum berlakunya pandemik COVID-19.

Analisis Sektor Pekerjaan Responden Semasa Pandemik COVID-19

Seterusnya carta pai Rajah 7 menunjukkan seramai 9 orang responden bekerja di sektor awam (kerajaan) yang mewakili 16.1%, 8 orang bekerja di sektor swasta bersamaan 14.3%, 6 orang bekerja sendiri mewakili 10.7% dan 33 orang tidak bekerja mewakili 58.9%. Ini menunjukkan bahawa ada peningkatan dan penurunan jumlah yang bekerja di setiap sektor di mana di sektor awam (kerajaan), berlaku penurunan peratusan yang bekerja di sektor awam, dan terdapat peningkatan jumlah responden yang tidak bekerja semasa berlakunya pandemik COVID-19.

Apakah sektor pekerjaan anda SEMASA berlakunya pandemik COVID-19?

56 responses




Rajah 7: Sektor Pekerjaan Semasa Pandemik COVID-19

Analisis Sektor Pekerjaan Responden Selepas Pandemik COVID-19

Seramai 11 orang responden bekerja di sektor awam (kerajaan) yang mewakili 19.3%, 8 orang bekerja di sektor swasta bersamaan 14%, 16 orang bekerja sendiri mewakili 28.1% dan 22 orang tidak bekerja mewakili 38.6%. Daripada carta pai yang ditunjukkan pada Rajah 8 menunjukkan bahawa ada peningkatan dan penurunan jumlah yang bekerja di setiap sektor selepas negara dilanda wabak COVID-19 di mana di sektor bekerja sendiri, berlaku peningkatan peratusan yang bekerja sendiri dan penurunan peratusan di sektor yang bekerja.

Apakah sektor pekerjaan anda SELEPAS berlakunya pandemik COVID-19?

57 responses




Rajah 8: Sektor Pekerjaan Selepas Pandemik COVID-19

Analisis Pendapatan Masyarakat

Kajian ini menjalankan analisis untuk mengenalpasti perubahan pada pendapatan masyarakat sebelum, semasa dan selepas COVID-19. Rajah 9, Rajah 10 dan Rajah 11 masing menunjukkan peratusan analisis pendapatan masyarakat yang digambarkan dengan carta pai.

Berapakah jumlah pendapatan anda SEBELUM berlakunya pandemik COVID-19?


57 responses



Rajah 9: Peratusan Pendapatan Sebelum Pandemik COVID-19

Berapakah jumlah pendapatan anda SEMASA berlakunya pandemik COVID-19?


57 responses



Rajah 10: Peratusan Pendapatan Semasa Pandemik COVID-19

Berapakah jumlah pendapatan anda SELEPAS berlakunya pandemik COVID-19?

57 responses



Rajah 11: Peratusan Pendapatan Selepas COVID-19

Carta pai pada Rajah 9 menunjukkan bahawa sebelum berlakunya pandemik COVID-19, seramai 10 orang responden yang jumlah pendapatannya RM1500 dan kebawah yang mewakili 17.5%, 9 orang yang jumlah pendapatannya RM1501- RM2500 mewakili 15.8%, 9 orang yang jumlah pendapatan RM2501-RM4799 bersamaan 15.8%, 6 orang yang jumlah pendapatannya RM4800 dan keatas mewakili 10.5% dan 23 orang yang tidak tetap jumlah pendapatan mewakili 40.4%.

Manakala Rajah 10 menunjukkan gambarab carta pai semasa berlakunya pandemik COVID-19, seramai 10 orang responden yang jumlah pendapatannya RM1500 dan kebawah yang mewakili 17.5%, 5 orang yang jumlah pendapatannya RM1501- RM2500 mewakili 8.8%, 7 orang yang jumlah pendapatan RM2501-RM4799 bersamaan 12.3%, 3 orang yang jumlah pendapatannya RM4800 dan keatas mewakili 5.3% dan 32 orang yang tidak tetap jumlah pendapatan mewakili 56.1%. Ini menunjukkan bahawa berlaku penurunan jumlah pendapatan bagi setiap purata jumlah pendapatan dan peningkatan peratusan yang tidak tetap.

Seterusnya Rajah 11 pula menunjukkan carta pai bagi selepas berlakunya pandemik COVID-19 iaitu seramai 8 orang responden yang jumlah pendapatannya RM1500 dan kebawah yang mewakili 14%, 7 orang yang jumlah pendapatannya RM1501- RM2500 mewakili 12.3%, 6 orang yang jumlah pendapatan RM2501-RM4799 bersamaan 10.5%, 4 orang yang jumlah


pendapatannya RM4800 dan keatas mewakili 7% dan 32 orang yang tidak tetap jumlah pendapatan mewakili 56.1%. Ini menunjukkan bahwa berlaku penurunan dan peningkatan jumlah pendapatan bagi setiap purata jumlah pendapatan dan tiada perubahan peratusan yang tidak tetap.

Analisis Punca Utama Peningkatan Golongan B40

Hasil analisis kajian menunjukkan seramai 9 responden mempunyai kos sara hidup yang tinggi bersamaan 15.8%, 10 responden kehilangan punca pendapatan yang mewakili 17.5%, 2 responden menyatakan peluang pekerjaan yang terhad yang mewakili 3.5%, 4 responden mendapat tawaran gaji yang rendah bersamaan 7%. Daripada keseluruhan bilangan responden dalam kajian ini, 32 responden berpendapat bahwa semua pilihan pernyataan adalah benar sebagai punca utama berlakunya peningkatan golongan B40 dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kebanyakan responden memang sedar akan punca utama berlakunya peningkatan golongan B40 dalam kalangan masyarakat di Malaysia yang merupakan kesan dari pandemik COVID-19 seperti mana ditunjukkan pada Rajah 12.

Pada pendapat anda, apakah punca utama berlakunya peningkatan golongan B40 dalam kalangan masyarakat di Malaysia?

57 responses



Rajah 12: Punca Utama Peningkatan Golongan B40


Analisis Kesedaran Inisiatif Kerajaan Dalam Membantu Rakyat

Akhir sekali dalam kajian ini adalah melihat kepada kesedaran masyarakat terhadap usaha atau inisiatif kerajaan dalam menangani dan membantu rakyat khususnya golongan B40. Hasil kajian menunjukkan yang masyarakat memang sedar akan inisiatif kerajaan seperti yang ditunjukkan dalam carta pai Rajah 13, Rajah 14, dan Rajah 15 yang masing-masing menunjukkan peratusan kesedaran masyarakat, keberkesanan bantuan kerajaan dan peratusan jenis inisiatif dan bantuan kerajaan.

Rajah 13 menunjukkan sebanyak 66.7% menyedari yang inisiatif kerajaan bseperti JaminKerja, Penjana HRDF, e-latih, program Penempatan dan Latihan, HPC HRD Corp dan SemarakNiaga dapat membantu rakyat dalam menangani masalah peningkatan golongan B40 akibat dari pandemik COVID-19. Walau bagaimana pun, masih ada segelintir masyarakat yang sebaliknya iaitu kajian menunjukkan 33.3% masih tidak menyedari atau tidak tahu tentang usaha kerajaan untuk menangani masalah ini.

Adakah anda tahu tentang inisiatif kerajaan bagi membantu rakyat seperti JaminKerja, Penjana HRDF, e-latih, program Penempatan dan Latihan, HPC HRD Corp dan SemarakNiaga?


57 responses



Rajah 13: Kesedaran Inisiatif Kerajaan Dalam Membantu Masyarakat

Pada pendapat anda, adakah inisiatif kerajaan yang dinyatakan pada soalan sebelum ini dapat membantu rakyat di negara ini?

57 responses




Rajah 14: Keberkesanan Inisiatif Bantuan Kerajaan

Dengan adanya kesedaran di kalangan masyarakat di Malaysia mengenai inisiatif bantuan kerajaan ini, maka ia memberi impak yang baik dan berkesan kepada masyarakat. Hampir keseluruhan masyarakat daripada jumlah responden kajian ini seperti yang ditunjukkan pada Rajah 14 menyatakan inisiatif bantuan kerajaan ini membantu masyarakat dalam mengalami kesulitan kehidupan selepas pandemik COVID-19, walaupun sebahagiannya masih belum pasti dan hanya sebilangan kecil iaitu 1.8% berpendapat inisiatif bantuan kerajaan ini tidak memberi kesan yang positif dalam membantu kesulitan kehidupan masyarakat.

Hasil kajian juga menunjukkan kerajaan sentiasa memberi perhatian yang khusus kepada masyarakat golongan B40. Di antara inisiatif bantuan kerajaan adalah memperkasakan program PENJANA, menambahkan peluang pekerjaan, meningkatkan jumlah pendapatan dan memperbanyakkan bantuan bukan tunai yang menunjukkan peratusan 14%, 43.9%, 29.8% dan 12.3% seperti yang ditunjukkan pada Rajah 15.

"Golongan B40 perlu diberikan perhatian khusus disebabkan pendapatan mereka yang terhad dan kecil selain mempunyai kecenderungan tinggi untuk...kukan oleh kerajaan bagi membantu golongan B40?"

57 responses




Rajah 15: Kategori Inisiatif Bantuan Kerajaan

Kajian menunjukkan yang kerajaan Malaysia amat prihatin dengan kehidupan masyarakat khususnya golongan B40. Carta pat pada Rajah 16 menunjukkan bahawa 61.4% daripada bilangan responden bersetuju pihak kerajaan mensasarkan kepada golongan B40 untuk diberikan bantuan dan kelebihan semasa dan selepas berlakunya pandemik COVID-19 untuk menyeimbangi kehidupan dikalangan masyarakat yang dari pelbagai kategori pendapatan seisi rumah. Namun, masih ada yang masih mempertikaikan kewajaran kerajaan dalam memsasarkan golongan B40 dalam pemberian inisiatif bantuan kerajaan iaitu sebanyak 38.6% daripada jumlah bilangan responden kajian ini.

Pada pendapat anda, adakah wajar untuk pihak kerajaan hanya menfokuskan kepada golongan B40 untuk diberikan bantuan dan kelebihan semasa dan selepas berlakunya pandemik COVID-19?


57 responses




Rajah 16: Pendapat Pihak Kerajaan Memfokuskan Golongan B40

Perbincangan Kajian


Hasil kajian mendapati ramai responden yang terdiri daripada rakyat Malaysia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 yang menyebabkan peningkatan golongan B40. Dari segi sektor pekerjaan dan pendapatan, ramai responden yang mempunyai pekerjaan sebelum berlakunya pandemik, namun semasa dan selepas pandemik, mereka terpaksa bertukar bidang pekerjaan dan ada segelintir rakyat yang hilang pekerjaan. Namun untuk penjawat awam, status pekerjaan dan pendapatan agak stabil iaitu status pekerjaan tidak terjejas dan pendapatan kekal dalam lingkungan RM 1501- RM 2500, RM 2501- RM 4799 RM4800 dan ke atas bagi sebelum, semasa dan selepas pandemik COVID-19. Manakala sebaliknya untuk masyarakat yang bekerja swasta dan bekerja sendiri seperti yang ditunjukkan pada Rajah 17.




(a)



(b)



Rajah 17: Perbandingan Kestabilan Pekerjaan dan Pendapatan



Rajah 18: Perubahan Bilangan Pekerja Awam, Swasta dan Sendiri

Rajah 18 menunjukkan bilangan masyarakat yang bekerja swasta dan bekerja sendiri meningkat untuk tempoh semasa dan selepas pandemik COVID-19. Kesemua kategori pendapatan menunjukkan penurunan bilangan yang ketara untuk tempoh semasa dan selepas pandemik COVID-19. Ini menunjukkan berlaku peningkatan golongan B40 dikalangan masyarakat di Malaysia akibat pandemik COVID-19. Di antara punca utama yang menyebabkan berlakunya peningkatan golongan B40 adalah kos sara hidup yang tinggi, kehilangan punca pendapatan, jumlah peluang pekerjaan yang terhad, dan tawaran gaji yang rendah.

Berdasarkan hasil kajian secara keseluruhannya, kehilangan punca pendapatan telah menyebabkan kemerosotan dalam pendapatan dan menjadi salah satu punca peningkatan kadar golongan B40 di kalangan masyarakat akibat pandemik Covid-19. Keadaan ini seterusnya dibuktikan melalui aspek seperti peningkatan kos sara hidup, tawaran gaji yang rendah dan jumlah peluang pekerjaan yang terhad. Situasi ini juga merupakan punca dalam meningkatkan golongan B40 di kalangan masyarakat akibat pandemik Covid-19 bagi mendepani masalah kehilangan punca pendapatan. Perkara ini juga menyebabkan sebahagian daripada golongan

M40 telah beralih ke arah golongan B40. Golongan B40 merupakan kumpulan isi rumah yang berpendapatan RM4,850 sebulan dan kebawah manakala M40 merupakan kumpulan isi rumah yang berpendapatan RM4,851 sehingga RM10,970 sebulan. Didapati pengumpulan data untuk melaksanakan kajian ini adalah daripada artikel-artikel yang berkaitan, laman web rasmi, dan visualisasi data daripada laman web rasmi openDOSM. Malahan, para pengkaji juga mengumpulkan data daripada masyarakat setempat berkaitan kes kajian ini dengan mengedarkan borang soal selidik melalui Whatsapp, Instagram dan Facebook.

Dalam kajian ini, didapati juga kebanyakan masyarakat mengetahui kaedah dan inisiatif kerajaan dalam membantu masyarakat golongan B40 dalam menangani cabaran Covid 19 seperti JaminKerja, Penjana HRDF, e-latih, program Penempatan dan Latihan, HPC HRD Corp dan SemarakNiaga. Berdasarkan hasil kajian ini juga, kebanyakan masyarakat berpendapat bahawa menambahkan peluang pekerjaan merupakan inisiatif dan langkah yang terbaik yang boleh dilakukan oleh kerajaan bagi membantu golongan B40. Selain itu, masyarakat juga berpendapat kaedah lain serta inisiatif kerajaan dalam membantu masyarakat golongan B40 dalam menangani cabaran Covid 19 ialah meningkatkan jumlah pendapatan setiap pekerjaan yang ditawarkan, memperkasakan program PENJANA dan memperbanyakkan bantuan bukan tunai. Semua keputusan yang diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada masyarakat setempat ini juga telah banyak membantu pengkaji dalam menganalisis maklumat yang diperolehi.

Kehilangan sumber pendapatan sementara atau kekal juga menjadi isu terbesar yang melanda negara kita dan menyebabkan lambakan golongan B40 sekaligus ekonomi negara juga jatuh merundum. Masalah ini merupakan satu masalah yang besar kesan daripada punca yang pertama dalam kalangan masyarakat kerana sesuatu pekerjaan itulah salah punca pendapatan mereka untuk sara hidup mereka. Kebanyakan asbab masalah ini adalah kerana majikan sendiri khususnya daripada syarikat yang kecil tidak mampu membayar jumlah pekerja yang ramai disebabkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh syarikat itu sendiri. Keadaan ini memaksa majikan untuk mengurangkan pekerja dan berlakunya lambakan penganggur yang menjadi-jadi. Tambahan pula, terdapat majikan yang memberikan tawaran gaji yang rendah kepada pekerja yang bekerja semula selepas berlakunya Covid-19. Hal ini menyebabkan kebanyakan masyarakat membuat keputusan untuk bekerja sendiri ataupun tiada pekerjaan kerana jumlah peluang pekerjaan yang sangat terhad. Malah, masalah peningkatan kos sara hidup berkait rapat dengan peningkatan kadar golongan B40 di kalangan masyarakat akibat pandemik Covid-19. Hal ini menyebabkan penurunan dalam pendapatan semua masyarakat. Perkara ini sejajar dengan penurunan mata wang Ringgit Malaysia yang semakin jatuh menyebabkan ekonomi di negara kita juga turut terpalit. Disebabkan mata wang Ringgit Malaysia dengan mata wang Dollar Amerika yang jauh perbezaannya, maka kos barangan import dan eksport juga meningkat yang mencetus kepada harga barang di pasaran Malaysia naik dengan mendadak. Masalah ini juga boleh mencetuskan akibat yang lain salah satunya golongan gelandangan makin meningkat dan mengakibatkan penyakit yang disebabkan kebuluran.

Kesimpulan

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan telah mengambil inisiatif dengan memberi bantuan seperti menambah peluang pekerjaan, memperbanyakkan bantuan bukan tunai, memperkasakan program PENJANA dan menambahkan jumlah pendapatan pada setiap peluang pekerjaan. Cadangan kaedah dan inisiatif yang bersesuaian dilakukan oleh kerajaan untuk membantu masyarakat golongan B40 dalam menangani cabaran Covid 19 ialah dengan

menambahkan peluang pekerjaan. Hal ini sejajar dalam menangani punca peningkatan kadar golongan B40 di kalangan masyarakat akibat pandemik Covid-19 akibat kehilangan punca pendapatan.

Dengan itu, tindakan sedemikian oleh kerajaan mampu membantu masyarakat dalam mengurangkan masalah kewangan serta peningkatan dalam kos sara hidup. Perkara ini juga dapat meningkatkan produktiviti masyarakat bahkan membolehkan ekonomi negara kembali pulih dan bertambah baik. Kesanggupan masyarakat terutama golongan B40 beradaptasi dalam senario kehidupan semasa haruslah seiring dengan rasa tanggungjawab pihak berkepentingan dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat adalah sejahtera.

Pengakuan

Ucapan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia dalam kerjasama menjalankan kajian ini dan sokongan pembiayaan penerbitan di bawah dana penyelidikan ZG-2022-010.

Rujukan

- Alias, Azhar & Mahdzir, Nazli & Nor, Anita & Binti, Yusramizza & Abu Bakar, Fathiyah. (2017). Kuatkuasa Kawalan Harga Barang dan Rantaian Bekalan dalam Kerangka Perundangan di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 2(4), 13-23.
- Axelliana Muara Setyanti, & Firdaus Finuliyah. (2022). Pengangguran Terdidik Pada Masa Pandemi Covid-19: Analisis Pada Data Sakernas 2020. *Jurnal Ketenagakerjaan*, 17(1).
- Bahagian Fiskal dan Ekonomi (2021). *Tinjauan Ekonomi 2022*. Edisi 2022. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Chamhuri, Siwar., Ismail, Mohd. Khairi., Alias, Nurul., & Zalikha, Siti. (2019). Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) Di Malaysia: Mengenal Pasti Trend, Ciri, Isu dan Cabaran.
- Muhammad Hassan Din Mohd Tarip, and Mohamad Murtadha Said, and Raimi Mohd Ramli, and Huril 'Ain Nadhirah Mohamad Razan, and Mohamad Haziq Amir, and Noor Azli Azizi, and Ukaneshwari Subramaniam, and Khairul Azmi Seliman, and Faizah Mohd Fakhruddin, and Fathiyah Mohd Fakhruddin, (2021) Impak pandemik COVID-19 terhadap golongan B40. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18 (8(SI)). pp. 54-65.
- Muhammad Saufi Hassan.(2022). Ramai isi rumah B40, M40 terjejas.Dipetik daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/01/921021/ramai-isi-rumah-b40-m40-terjejas>. Diakses pada 31 Disember 2022.
- Nor Fadzilah Salamon, Lai Wei Sieng, & Mustazar Mansur (2023). Persepsi impak dasar fiskal terhadap isi rumah B40 di Lembah Klang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 19(2), 166-180
- Nurfadhlina Abdul Halim & Nurharyanti Borhan. (2022). Analyzing Economics Downturn with the Global Pandemic Timeline in Order to Improve the Sustainability. *Journal of Sustainability Science and Management*, 17(5), 133-138.
- Nurul Hazwani Abu Bakar, Liew Sau Ping, Norain Basri, Nur Ain Soeradji, Jabil Mapjabil & Datu Razali Datu Eranza (2021). Kategori sumber bantuan dan kekerapan agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6 (37), 102–118.
- Resi Yunita, & Yeniwati. (2021). Pengaruh Fluktuasi Harga Minyak Dunia Terhadap Variabel Makro Ekonomi Indonesia. *Jurnal Kajian Ekonomi dan Pembangunan*, 3(4), 81-96.

- Rima Abdul Rahman, Harifah Mohd Noor, & Adilah Md Ramli (2021). Cabaran dan Kelangsungan Pengusaha Makanan Kecil dalam Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(12).
- Rosniza Aznie, C.R., Mutsamy, R. (2020). The Rising of Goods And The Impact Towards B40 Population in Muar, *Johor. Asian People Journal*, 3(2), 106-121.
- Sa'diah Abdul Karim. (2019). The Impact of Real Exchange Rate Misalignment on Trade Balance: The Case for Malaysia. *Journal of Management & Muamalah*. 9(2).
- Sarakawi, M. A., Jaroman, N., Madjais, A., Mapjabil, J., Eranza, D. R. D. (2021). Prosedur Dan Keberkesanan Agihan Bantuan Kepada Komuniti Tempatan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Semasa Pandemik COVID-19. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (23), 104-116.
- Zhineng Hu, Jing Ma, Qiong Feng, C. Patrick Scott, & Hani I. Mesak (2022), The detection dilemma of marginally non-poor households in poverty alleviation evaluation: Evidence from a linear quantile mixed model. *Review of Development Economics*, 26(3), 1491-1517